

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (J) 1-2010 NO. RAYUAN TRK (J) 2-2010 (Pendengaran Bersama)

FAKTA KES

1. Dua rayuan didengar bersama. Perayu di dalam No. Rayuan TRK(J)1-2010 adalah syarikat EMI (Malaysia) Sdn. Bhd. dan perayu di dalam No. Rayuan TRK(J)2-2010 adalah Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM). Syarikat EMI adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 30 Ogos 1968 dan di antara lain perniagaan syarikat EMI melibatkan pengimportan rakaman media khususnya rekod (*record*) muzik. RIM telah didaftarkan pada 25 Jun 1956 dan berperanan menyelaraskan dasar industri rakaman muzik.
2. Syarikat EMI telah mengimport rekod muzik dari EMI Holland dan beberapa sumber yang lain. Berdasarkan audit pasca import yang dijalankan oleh Responden, Bil Tuntutan bertarikh 5 November 2007 telah dikeluarkan terhadap syarikat EMI bagi menuntut cukai jualan dan duti import tambahan sebanyak RM679,985.12 di atas rakaman media yang diimport oleh syarikat EMI. Alasan Responden adalah bahawa royalti yang dibayar oleh syarikat EMI kepada pihak ketiga iaitu EMI Music International Ltd. (EMIMIS) di atas rekod yang dijual di Malaysia sepatutnya diambil kira dalam menentukan nilai urusan niaga (*transaction value*) pengimportan tersebut seperti diperuntukkan di bawah Peraturan 5(1)(a)(iv), Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999. RIM, sebagai pihak yang berkepentingan di dalam industri muzik, telah berunding dan membuat rayuan kepada Responden supaya pelarasan nilai urusan niaga tidak dibuat dengan ditambah bayaran royalti kepada EMIMIS. Rayuan tersebut ditolak oleh Responden melalui surat bertarikh 8 Mac 2010.
3. Alasan rayuan kedua-dua perayu adalah pembayaran royalti sepatutnya tidak diambil kira dalam menentukan nilai urusan niaga barang yang diimport kerana

pembayaran tersebut tidak merupakan suatu syarat penjualan barang-barang itu bagi eksport ke Malaysia seperti diperuntukkan di bawah Peraturan 5(1)(a)(iv), Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999. Di sebaliknya, pendirian Responden adalah bahawa pembayaran royalti merupakan pelarasan yang perlu ditambah ke atas harga yang dibayar untuk pengimportan rekod muzik yang berkaitan. Pendirian Responden adalah berdasarkan perjanjian *Matrix Exchange Agreement* di antara syarikat EMI dan EMIMIS.

ISU

Hanya terdapat satu isu di dalam rayuan ini iaitu adakah pembayaran royalti yang dibuat oleh syarikat EMI tertakluk kepada peruntukan Peraturan 5(1)(a)(iv), Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 di mana nilai urus niaga perlu diselaraskan dengan ditambah pembayaran royalti tersebut bagi tujuan pengiraan dan bayaran cukai jualan dan duti import.

KEPUTUSAN

1. Peruntukan perjanjian *Matrix Exchange Agreement* adalah jelas di mana pembayaran royalti telah dinyatakan sebagai suatu syarat tertentu di peringkat import rekod muzik berkenaan. Walaupun mengikut perjanjian tersebut pembayaran royalti dikira di atas hasil jualan rekod, tidak ada keperluan di dalam Peraturan 5(1)(a)(iv), Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 bahawa royalti semestinya dibayar di peringkat import sahaja. Malahan, mengikut Peraturan 5(1)(a)(iv), royalti di atas barangan import boleh dibayar secara langsung atau tidak langsung. Tidak juga ada keperluan bahawa royalti tersebut perlu dibayar kepada penjual barang-barang import itu. Mengikut Peraturan 5(1)(a)(iv), syarat yang penting adalah royalti berkaitan dibayar “... sebagai suatu syarat penjualan barang-barang itu bagi eksport ke Malaysia”.

2. Berdasarkan fakta kes dan tafsiran Peraturan 5(1)(a)(iv), Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 seperti di atas, Tribunal telah memutuskan keputusan Ketua Pengarah Kastam bertarikh 28 Mac 2010 disahkan. Bil Tuntutan bertarikh 5 November 2007 di mana perayu dikehendaki membayar duti import dan cukai jualan sebanyak RM679,985.12 juga disahkan.
3. Rayuan kedua-dua perayu ditolak.

12 November 2010